

23/1  
Geografi  
Kertas 1  
Ogos  
2011  
1 ¼ jam



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
CAWANGAN MELAKA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TINGKATAN TIGA  
TAHUN 2011

---

---

**GEOGRAFI**

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

---


---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**


1. Kertas soalan ini mengandungi **60** soalan
  2. Jawab **semua** soalan
  3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan yang berhuruf **A, B, C dan D**.  
Bagi tiap-tiap soalan pilih **satu** jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
  4. Fikir dengan teliti ketika memilih jawapan. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan **hitamkan** pilihan anda yang baru.
- 

Kertas soalan ini mengandungi **23** halaman bercetak

Soalan 1 hingga soalan 6 berdasarkan peta topo di bawah.




- 1 Berapakah bearing sudutan Pulau Mutiara ( RG 160258 ) dari stesen trigonometri ( RG 216225 ) ?
- A 190 ° C 275 °  
B 255 ° D 295 °
- 2 Jika skala peta ditukar kepada skala 1: 50000, apakah jarak sebenar mengikut jalanraya antara jambatan di RG 189253 ke simpang tiga jalan di Pekan Sari (RG 198266)?
- A 1.6 km C 6.4 km  
B 3.2 km D 7.0 km
- 3 Bentuk muka bumi bertanda Y ialah
- A tanjung C tombolo  
B beting pasir D pantai berpasir
- 4 Apakah fungsi tumbuhan semula jadi di tenggara peta ?
- I Rekreasi III Pembalakan  
II Habitat akuatik IV Kawasan tadahan
- A I dan II C II dan III  
B I dan IV D III dan IV
- 5 Rumah api paling sesuai dibina di kawasan bertanda
- A I C III  
B II D IV
- 6 Pulau Mutiara berpotensi dimajukan sebagai pusat
- A perindustrian C perlombongan  
B pentadbiran D pelancongan



RAJAH 1

7 Berapakah perbezaan suhu antara Tempat M dan N?

- A 3 °C                      C 5 °C  
B 4 °C                      D 6 °C




GRAF 1

8 Berdasarkan graf 1 di atas, pernyataan manakah benar ?

- A Hujan lebat pada musim panas  
B Julat suhu tahunan 20 °C  
C Suhu maksimum pada bulan Disember  
D Hujan tahunan kurang 1000 mm


- 9 Rajah 2 menunjukkan pembentukan bentuk muka bumi pinggir pantai.



RAJAH 2

Runtuhan bentuk muka bumi X akan membentuk

- |   |               |   |              |
|---|---------------|---|--------------|
| A | tebing tinggi | C | tunggul sisa |
| B | gerbang laut  | D | batu tunggul |
- 10 Peta 1 menunjukkan banjaran-banjaran di Semenanjung Malaysia.




PETA 1: SEMENANJUNG MALAYSIA

Gunung Tahan terletak di banjaran bertanda

- |   |    |   |     |
|---|----|---|-----|
| A | I  | C | III |
| B | II | D | IV  |

- 11 Rajah 3 berikut menunjukkan pembentukan gunung lipat.




RAJAH 3

Apakah proses yang menyebabkan pembentukan tersebut ?

- |   |          |   |          |
|---|----------|---|----------|
| A | Luluhawa | C | Hakisan  |
| B | Tegangan | D | Mampatan |

- 12 Rajah 4 menunjukkan bentuk muka bumi hilir sungai.



RAJAH 4


Apakah pola saliran yang terdapat di kawasan tersebut?

- |   |           |   |          |
|---|-----------|---|----------|
| A | Reranting | C | Bersirat |
| B | Sejajar   | D | Jejala   |

13 Apakah bentuk muka bumi yang terdapat di peringkat hulu sungai?

- A Jeram C Delta  
B Tetambak D Likuan sungai

14 Peta 2 menunjukkan kawasan pertanian di Malaysia



PETA 2 : MALAYSIA

Kawasan	Kepentingan
X	Pengeluaran teh dan sayur-sayuran hawa sederhana

Berdasarkan maklumat di atas, X merujuk kepada kawasan peta yang bertanda

- A I C III  
B II D IV

15 Kawasan berikut mempunyai kegiatan ekonomi yang sama.

- Tanah Tinggi Genting
- Alps Switzerland

Apakah kegiatan ekonomi tersebut?

- A Pertanian C Perlombongan  
B Pelancongan D Perindustrian

- 16 Maklumat berikut menunjukkan sistem perhubungan di Malaysia

- Lebuhraya Utara Selatan
- Lebuhraya Timur Barat
- Lebuhraya Pantai Timur

Apakah kesan pembinaan lebuhraya tersebut terhadap alam sekitar?

- |                                  |                  |
|----------------------------------|------------------|
| A Kesuburan tanah meningkat.     | C Hakisan tanah. |
| B Struktur tanah menjadi stabil. | D Hujan asid.    |

- 17 Apakah kawasan yang mempunyai ciri seperti senarai berikut?

- Tanaman getah
- Tanah laterit

- |                           |                        |
|---------------------------|------------------------|
| A Lembah Kelang           | C Lembah Sungai Rajang |
| B Dataran beralun selatan | D Dataran Kelantan     |

- 18 Pernyataan manakah benar tentang ciri iklim di Malaysia?


- A Julat suhu tahunan kurang daripada 2°C
- B Hujan tahunan kurang daripada 2000 mm
- C Min suhu tahunan 30°C
- D Musim kering yang nyata

- 19 Apakah aktiviti utama penduduk di kawasan gurun panas?

- |                 |               |
|-----------------|---------------|
| A Perindustrian | C Penternakan |
| B Pertanian     | D Pembalakan  |



- 20 Rajah 5 menunjukkan kejadian bayu laut.



RAJAH 5

Pernyataan manakah benar tentang rajah tersebut?


- A Berlaku ketika peralihan monsun  
B Tekanan udara rendah di daratan  
C Keadaan laut lebih panas  
D Membawa hujan lebat
- 21 Apakah punca kejadian jerebu?
- A Pembakaran terbuka  
B Penggunaan baja organik  
C Penebangan hutan  
D Penggunaan bahan aerosol
- 22 Maklumat di bawah merujuk kepada kawasan petempatan .

- Kundasang
- Tanah Rata

Apakah kepentingan kawasan di atas?


- A merupakan kawasan tadahan hujan.  
B merupakan kawasan tanaman hawa sederhana.  
C merupakan kawasan penghasilan petroleum.  
D merupakan kawasan industri berat.

- 23 Maklumat di bawah merujuk kepada kawasan dalam peta 3 bertanda



PETA : 3 DUNIA

- 24 Peta 4 menunjukkan arah tiupan angin di Semenanjung Malaysia.



PETA 4 : SEMENANJUNG MALAYSIA

Bilakah angin X bertiup ?

- |                        |                       |
|------------------------|-----------------------|
| A Mei hingga September | C November hingga Mac |
| B Jun hingga Ogos      | D Mac hingga Mei      |

25 Apakah jenis tumbuh-tumbuhan dalam pernyataan di bawah?

- Langsuyur
- Paku-pakis
- Tanduk Rusa

A Saprofit

C Liana


B Epifit

D Renek

26 Berikut merupakan pernyataan tentang jenis tumbuhan.

- Ru
- Tapak kuda

Di manakah lokasi tumbuhan seperti pernyataan di atas ?



PETA 5 : MALAYSIA

27 Apakah kepentingan hutan paya bakau?


- A Kawasan tadahan hujan
- B Mengekalkan keasidan tanah.
- C Penampakan hakisan ombak
- D Kawasan pertanian ladang

- 28 Foto 1 menunjukkan sejenis hidupan liar .




FOTO 1

Haiwan di atas terdapat di kawasan peta 6 yang bertanda



PETA 6 : DUNIA

- 29 Apakah jenis pokok yang sesuai di hutan Y ?



A Akasia


C Periuk nera

B Nipah

D Tapak kuda

- 30 Pernyataan berikut adalah berkaitan kawasan peta 7 yang bertanda?


- Hutan taiga
- Menghasilkan kertas



PETA 7 : DUNIA

- 31 Antara berikut tumbuhan manakah terdapat di Hutan Hujan Tropika?
- |          |             |
|----------|-------------|
| A Pain   | C Buluh     |
| B Cengal | D Mengkuang |
- 32 Apakah keperluan jangka panjang hutan di negara Malaysia?
- |                                |  |
|--------------------------------|--|
| A Sebagai kawasan perikanan    |  |
| B Sebagai kawasan perlombongan |  |
| C Sebagai kawasan tadahan      |  |
| D Sebagai kawasan industri     |  |
- 33 Apakah agensi yang berkaitan dengan pengurusan hidupan liar dan taman negara?
- |         |              |
|---------|--------------|
| A FRIM  | C PERHILITAN |
| B PORIM | D MATRADE    |

34. Apakah usaha kerajaan untuk meningkatkan pertumbuhan penduduk di Malaysia?
- A Meningkatkan taraf kesihatan penduduk
  - B Meningkatkan cukai pendapatan bagi setiap kelahiran
  - C Mengurangkan kemudahan perubatan luar bandar
  - D Meningkatkan kadar emigrasi
35. Apakah faktor yang mempengaruhi kadar kelahiran sesebuah negara?
- |                     |                       |
|---------------------|-----------------------|
| I dasar kerajaan    | III wabak penyakit    |
| II tahap pendidikan | IV kekurangan makanan |
| A I dan II          | C II dan III          |
| B I dan IV          | D III dan IV          |
36. Apakah faktor yang menyebabkan migrasi antarabangsa ke Malaysia?
- |                             |                             |
|-----------------------------|-----------------------------|
| I Dasar kependudukan negara | III Melanjutkan pelajaran   |
| II Ketidakstabilan politik  | IV Banyak peluang pekerjaan |
| A I dan II                  | C II dan III                |
| B I dan IV                  | D III dan IV                |
37. Kesan penggunaan teknik pertanian moden terhadap alam sekitar seperti dalam rajah 6 di bawah ialah



RAJAH 6

- |                           |                              |
|---------------------------|------------------------------|
| A memusnahkan tanaman     | C mengurangkan kos pertanian |
| B mengurangkan pencemaran | D keasidan tanah meningkat   |

- 38 Apakah persamaan pembinaan kedua-dua kawasan di bawah?


- Mahkota Parade, Melaka
- Pengkalan Kontena Butterworth Utara, Pulau Pinang

- A Pelabuhan kontena                      C Kawasan pertanian  
B Pinggir laut ditambah                  D Kawasan perikanan


- 39 Apakah pola petempatan yang terdapat di pinggir pantai?

- A Berjajar                                      C Berselerak  
B Berkelompok                              D Berpusat

- 40 Rajah 7 menunjukkan proses urbanisasi.



Kuala Lumpur 1880



Kuala Lumpur 2010

RAJAH 7

Apakah kesan proses di atas ?

- A Penurunan taraf hidup                      C Peningkatan migrasi luar bandar ke bandar  
B Penurunan suhu tempatan                  D Kekurangan tenaga kerja di bandar


- 41 Apakah fungsi bandar X?

Bandar X

- Seri Menanti
- Pekan
- Kuala Kangsar


- A Bandar satelit                                      C Bandar baru  
B Bandar diraja                                      D Bandar dalam taman

- 42 Bandar manakah yang berkembang disebabkan oleh faktor kegiatan pembalakan di peta 8?



PETA 8 : MALAYSIA

- 43 Kawasan bertanda manakah dalam peta 9 merujuk kepada tamadun awal manusia?



PETA 9 : DUNIA

- |   |          |   |            |
|---|----------|---|------------|
| A | I dan II | C | II dan III |
| B | I dan IV | D | III dan IV |



44 Antara berikut, sumber manakah tidak boleh diperbaharui?

- A Angin
- B Suria
- C Kuprum
- D Tanih

45 Berikut adalah maklumat sejarah awal kereta api di Malaysia.

- Dibuka pada tahun 1885
- Mengangkut bijih timah

Antara berikut lokasi manakah merujuk kepada maklumat di atas ?

- A Tapah ke Ipoh
- B Seremban ke Port Dickson
- C Kuala Lumpur ke Port Swettenham
- D Taiping ke Port Weld

46 Mengapakah jaringan jalanraya lebih padat di kawasan Pantai Barat berbanding dengan Pantai Timur Semenanjung Malaysia?

- |                     |                         |
|---------------------|-------------------------|
| I Kegiatan ekonomi  | III Migrasi penduduk    |
| II Tanah pamah luas | IV Kos pembinaan rendah |
| A I dan II          | C II dan III            |
| B I dan IV          | D III dan IV            |

47 Apakah kepentingan perkhidmatan kargo udara?

- |                        |                                   |
|------------------------|-----------------------------------|
| A Doktor udara         | C Kos pengangkutan rendah         |
| B Mengangkut penumpang | D Pengangkutan barang cepat rosak |

- 48 Foto 2 dibawah menunjukkan sejenis sistem perhubungan.




FOTO 2


Apakah kepentingan sistem tersebut?

- |    |                              |     |                     |
|----|------------------------------|-----|---------------------|
| I  | Memudahkan mobiliti penduduk | III | Siaran langsung     |
| II | Mengangkut barangan pukal    | IV  | Penyebaran maklumat |
| A  | I dan II                     | C   | II dan III          |
| B  | I dan IV                     | D   | III dan IV          |

- 49 Pernyataan berikut merujuk kepada suatu kawasan sumber mineral di Malaysia.

- Tin minuman
- Kerangka kereta

Di manakah lokasi mineral tersebut di peta 12 di bawah?



PETA 12 : MALAYSIA

50 Berikut ialah bahan yang digunakan untuk menghasilkan sumber tenaga.

- Sisa buangan tumbuh-tumbuhan dan penternakan
- Gas metana

Kawasan bertanda manakah dalam peta 10 merujuk kepada sumber tenaga di atas?



PETA 10 : DUNIA


51 Maklumat berikut tentang kegiatan ekonomi penduduk di Malaysia.

- Menangkap ikan
- Melombong bijih timah
- Menanam padi

Apakah sektor ekonomi yang berkaitan dengan pekerjaan di atas?

- |   |          |   |             |
|---|----------|---|-------------|
| A | Primer   | C | Tertier     |
| B | Sekunder | D | Pemprosesan |

- 52 Kawasan berlorek dalam peta 11 di bawah berkaitan dengan jenis tanaman di Malaysia.



PETA 11 : MALAYSIA

Kombinasi manakah benar berdasarkan kawasan yang berlorek?


	Kawasan	Jenis Tanaman
A	I	Getah
B	II	Nanas
C	III	Kelapa sawit
D	IV	Kelapa

- 53 Apakah kepentingan penanaman semula hutan ?

- I Meningkatkan keasidan tanah
- II Megurangkan eksport kayu balak
- III Mengekalkan keseimbangan ekosistem
- IV Mencegah hakisan tanah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 54 Apakah faktor utama yang menyebabkan perkembangan Bandar X dan Y di peta 13 ?



PETA 13 : MALAYSIA

- |   |             |   |              |
|---|-------------|---|--------------|
| A | Pertanian   | C | Pembalakan   |
| B | Pelancongan | D | Perlombongan |


- 55 Maklumat merujuk kepada hasil sejenis tanaman di Malaysia.

- Tayar
- Tilam
- Sarung tangan

Di manakah lokasi tanaman tersebut?

- |    |                       |     |                 |
|----|-----------------------|-----|-----------------|
| I  | Dataran Johor         | III | Delta Rajang    |
| II | Dataran Kedah -Perlis | IV  | Tenggara Pahang |
| A  | I dan II              | C   | II dan III      |
| B  | I dan IV              | D   | III dan IV      |


- 56 Rajah 8 menunjukkan penggunaan racun kimia di kawasan tanaman.



RAJAH 8

Apakah kesan aktiviti di atas terhadap alam sekitar?

- |   |                     |   |                           |
|---|---------------------|---|---------------------------|
| A | Pulau haba          | C | Menambah keasidan tanah   |
| B | Kejadian hujan asid | D | Kesuburan tanah meningkat |
- 57 Rajah 9 menunjukkan satu fenomena iklim yang disebabkan oleh penipisan lapisan ozon.



RAJAH 9

Apakah kesan tersebut kepada manusia?

- |    |                  |     |                         |
|----|------------------|-----|-------------------------|
| I  | Radang paru-paru | III | Kanser kulit            |
| II | Katarak mata     | IV  | Kerosakan buah pinggang |
- |   |          |   |            |
|---|----------|---|------------|
| A | I dan II | C | II dan III |
| B | I dan IV | D | III dan IV |

58 Berikut adalah kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar

- Hakisan tanah
- Banjir lumpur
- Tanah runtuh

Apakah aktiviti yang memberi kesan kepada fenomena di atas?

- |   |               |   |            |
|---|---------------|---|------------|
| A | Pembalakan    | C | Pertanian  |
| B | Perindustrian | D | Petempatan |

59 Kombinasi manakah benar tentang negara dan program kitar semula?

	Negara	Program
A	Taiwan	Green Dot
B	Jerman	Cukai Sisa
C	Jepun	NeWater
D	Denmark	Waste '21'

60 Maklumat berikut menunjukkan kerjasama ekonomi antarabangsa.

- Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC)
- Pertubuhan Negara-negara Berkecuali (NAM)

Apakah bentuk kerjasama ekonomi tersebut?

- |   |                    |   |                      |
|---|--------------------|---|----------------------|
| A | Kerjasama Sedunia  | C | Kerjasama Dua Hala   |
| B | Kerjasama Serantau | D | Segi Tiga Pertubuhan |

**KERTAS SOALAN TAMAT**

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
CAWANGAN MELAKA**

**PEPERIKSAAN PRCUBAAN TINGKATAN TIGA**

**TAHUN 2011**

**JAWAPAN**

**GEOGRAFI**

No. Soalan	Jawapan		No. Soalan	Jawapan		No. Soalan	Jawapan
1	D		21	A		41	B
2	A		22	B		42	D
3	B		23	B		43	D
4	B		24	A		44	C
5	C		25	B		45	D
6	D		26	D		46	A
7	B		27	C		47	D
8	A		28	A		48	D
9	D		29	A		49	C
10	D		30	B		50	B
11	D		31	B		51	A
12	C		32	C		52	B
13	A		33	C		53	D
14	A		34	A		54	D
15	B		35	A		55	B
16	C		36	D		56	C
17	B		37	D		57	C
18	A		38	B		58	A
19	C		39	A		59	D
20	B		40	C		60	A

**23/1  
SULIT**

**[Lihat sebelah**

(1)